

Tatacara puasa Asyura

• **Berpuasa tiga hari berturut-turut** iaitu 9,10 dan 11 Muharram. Amalan ini bukan sahaja memberi kita ganjaran berpuasa 9 dan 10 Muharram, tetapi termasuk dalam ganjaran berpuasa bulan Muharram serta ganjaran berpuasa 3 hari dalam setiap bulan juga. Seperti yang dikhabarkan oleh Abu Hurairah ra:

Kekasihku (Rasulullah saw) telah mewasiatkan kepadaku agar tidak meninggalkan 3 perkara sehingga aku mati : Puasa 3 hari pada setiap bulan, solat dhuha dan solat witir sebelum tidur. [Al-Bukhari, no:1178]

- **Berpuasa sehari sebelumnya**, iaitu hari kesembilan. Sebagaimana hadith di atas.
- **Berpuasa pada hari kesepuluh sahaja. Mengambil umum hadith ganjaran berpuasa pada 10 Muharram.**

Al-Allamah Al-Mubarakfuri rh berkata: **Yang terbaik adalah cara yang pertama iaitu 3 hari berturut-turut.** Kedua, berpuasa 9 dan 10 Muharram. Ketiga, berpuasa pada hari ke-10 sahaja. Wallahua'lam.

Asyura dan sejarah pembunuhan Sayyidina Hussain ra di Karbala.



Pembunuhan Sayyidina Hussain ra diratapi setiap tahun oleh penganut Syiah dan dikenali dengan sambutan hari Karbala'. Kelompok Syiah menyambutnya dengan perarakan ratapan dan mencederakan diri sendiri. Ini jelas bertentangan dengan sunnah yang melarang ratapan –sepertimana Rasulullah saw bersabda, maksudnya: “Bukan golongan kami orang yang memukul pipi, merobek pakaian dan berdoa dengan doa-doa jahiliah.” (riwayat Bukhari dan Muslim). Malah golongan Syiah lah yang sebenarnya telah membunuh Sayyidina Hussain ra (iaitu Syits bin Rab'ie bersama 4000 bala tenteranya membunuh Sayyidina Hussain ra dan keluarga setelah mereka memperdaya dengan menjemput mereka ke Kufah – Jilaa' al-'Uyun dan Khulasot al-Masoib, hal. 37).



Risalah



Ta'lim

Terbitan Yayasan Ta'lim, TTDI.

Bil (1) Muharram 1431

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah swt:

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang haram (dihormati). ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar laranganNya); [At-Taubah, 36]

Bulan-bulan haram (yang dihormati)

Daripada Abi Bakrah ra daripada Nabi saw, bahawa baginda bersabda: “Di dalam setahun ada 12 bulan, 4 daripadanya adalah bulan haram (dihormati). Tiga daripadanya berturut-turut; **Zulkaedah, Zulhijjah, dan Al-Muharram**, dan **Rejab** yang terletak diantara Jamadil akhir dan Sya'ban. [Hadith sahih riwayat Al-Bukhari]

Di dalam bulan-bulan ini, larangan melakukan kezaliman lebih ditekankan berbanding bulan-bulan lain.

Kata Qatadah rh (salah seorang murid Ibnu Abbas ra): *Sesungguhnya kezaliman di dalam bulan-bulan yang haram lebih besar dosa dan kesalahannya berbanding kezaliman di bulan-bulan yang lain. Walaupun kezaliman itu sendiri sesuatu yang besar di sisi Allah, tetapi ia boleh menjadi lebih besar sekiranya Allah kehendaki* [Tafsir Ibnu Katsir: ms 89-90]

Tercatat dalam kitab-kitab sejarah Arab bahawa bangsa Arab di zaman Jahiliyyah mengadakan gencatan senjata di dalam bulan-bulan haram kerana menghormati bulan-bulan tersebut.

Keistimewaan bulan Muharram

Hijrah dan Muharram:

Waktu sebenar Hijrah Rasulullah saw dan Abu Bakr ra menurut pakar hadith dan sejarah;

- i. Keluar dari rumah Abu Bakr ra pada 27 Safar bersamaan 13 September 622 Masihi
- ii. Keluar dari Gua Tsur pada 1 Rabi'ul Awwal bersamaan 16 September 622 Masihi
- iii. Tiba di Quba' pada hari Isnin, 8 Rabi'ul Awwal bersamaan 23 September 622 Masihi dan baginda saw menetap selama 4 hari dan mendirikan masjid yang pertama.
- iv. Berangkat dan tiba di Madinah pada hari Jumaat bersamaan 12 Rabi'ul Awwal.

(Safiyur Rahman al-Mubarakfuri, Al-Rahiq al-Makhtum, Dar al-Wafa', ed. 17, 1426H, ms 155-162 – merujuk kepada Sahih Bukhari, Sirah Ibn Hisyam dan Zaadul Ma'ad)

* Berdasarkan fakta di atas, jelas bahawa sambutan Maal Hijrah pada 1 Muharram yang diadakan setiap tahun hanyalah sebagai peringatan kepada **tahun berlakunya Hijrah**, dan bukanlah tarikh sebenar berlakunya hijrah Rasulullah saw.

Berikut adalah hadith-hadith Rasul saw yang menggambarkan kelebihan bulan ini:

1) Berpuasa di bulan ini amat digalakkan selepas puasa Ramadhan.

Daripada Abu Hurairah ra bahawa beliau berkata, Rasulullah saw bersabda: “Sebaik-baik puasa selepas puasa Ramadhan ialah puasa di bulan Allah iaitu bulan Muharram. Dan sebaik-baik solat selepas solat fardhu ialah solat di waktu malam. [Sahih Muslim, no1163].

2) Padanya ada hari Asyura (10 Muharram), iaitu hari yang penuh bersejarah.

Pada hari ini Nabi Musa as serta kaumnya Bani Israel diselamatkan Allah swt daripada Firaun.

Bagaimanakah seorang Muslim menyambut hari Asyura?

Berkata al-Allamah Ibn Abi al-'Izz. “**Sesungguhnya tidak sah daripada Nabi saw sebarang amalan pun pada hari Asyura selain daripada puasa Baginda saw.** Ada pun golongan Rafidhah (Syiah) melakukan bid'ah dengan mengadakan upacara berkabung demi melahirkan kesedihan di atas pembunuhan al-Husain ra pada hari ini. Dan golongan yang jahil daripada Ahli Sunnah menzahirkan kegembiraan mereka dengan membuat makanan dari biji-bijian (bubur) dan memakai celak dan mereka meriwayatkan hadith-hadith palsu tentang bercelak mata dan pemberian makanan dan pakaian kepada ahli keluarga“.

(Syeikh Ali Mahfuz, al-Ibda' fi Madhar al-Ibtida' (Beirut: Dar Kutub al-Ilmiyah, Cet. 1, 2001), hal. 271)

Puasa Asyura

1) Sebelum puasa di bulan Ramadhan difardukan, Rasulullah saw telah menyuruh umat Islam berpuasa pada Hari Asyura.

Daripada A'isyah ra telah berkata: “Dahulu, ketika zaman jahiliyyah, orang Quraisy berpuasa pada Hari Asyura dan Nabi saw juga berpuasa ketika zaman jahiliyyah. Apabila baginda sampai di Madinah, Nabi berpuasa pada hari tersebut dan menyuruh(umat Islam) berpuasa juga. Apabila difardukan Ramadhan atas Rasulullah saw, baginda meninggalkan puasa Asyura. Maka sesiapa yang ingin berpuasa pada hari tersebut berpuasalah, siapa yang mahu meninggalkannya, maka tinggalkanlah. [Al-Bukhari, no: 2002, Muslim no: 1125]

2) Berpuasa pada Hari Asyura sangat dianjurkan oleh Islam.

Daripada Ibnu Abbas ra bahawa dia disoal tentang berpuasa Hari Asyura. Beliau menjawab: “Aku tidak tahu Rasulullah menekankan puasa di satu hari kerana mengharapkan kelebihan yang ada di dalamnya melainkan hari ini (Hari Asyura) dan bulan ini, iaitu Bulan Ramadhan”

3) Berpuasa pada hari tersebut boleh menghapuskan dosa selama setahun yang lepas.

Daripada Qatadah rh bahawa Rasulullah saw ditanya tentang puasa hari Asyura maka baginda menjawab: “Puasa hari Asyura menghapuskan dosa-dosa tahun yang lepas.” Dalam riwayat yang lain Nabi saw menyebut, “dan puasa Hari Asyura ini, aku mengharap pada Allah agar dihapuskan dosa tahun yang lepasnya” [Sahih Muslim].

4) Kita digalakkan berpuasa sehari sebelum hari Asyura iaitu pada hari kesembilan Muharram.

Daripada Ibnu Abbas ra bahawa Rasulullah saw ketika berpuasa pada hari Asyura dan memerintahkan (orang Islam) agar berpuasa, berkatalah para sahabat: “Ya Rasulullah, sesungguhnya hari ini ialah hari yang diagungkan oleh orang Yahudi dan Nasrani (Kristian).” Maka Rasulullah saw bersabda: “(kalau begitu) pada tahun hadapan kita berpuasa pada hari kesembilan-InsyaAllah.” Berkata Ibnu Abbas ra: Rasulullah saw telah wafat sebelum tibanya tahun yang akan datang.

Dalam riwayat lain Nabi saw bersabda: “Sekiranya aku masih hidup lagi pada tahun hadapan nescaya aku akan berpuasa pada hari yang kesembilan.” [Sahih Muslim, no: 1134]

